

Kertas Bil. 12 / 2009

**LAPORAN
JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR
KEDUA BELAS**

**JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR
KEDUA BELAS**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR**

1. Mengikut Peraturan 69(1), Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap menimbang dari semasa ke semasa dan mengeluarkan pernyata kepada Dewan berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-Peraturan Tetap yang diserahkan oleh Dewan kepadanya bagi dibentangkan.
2. Cadangan pindaan kepada Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas pada 29 Oktober 2008 yang lalu. Usul tersebut telah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri dengan menyerahkan perkara-perkara yang hendak dipinda kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan untuk diperhalusi sebelum dapat pertimbangkan bagi diluluskan pindaan tersebut oleh Dewan.
3. Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor telah mengadakan beberapa mesyuarat bagi mengkaji dan meneliti pindaan-pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor seperti yang diserahkan kepadanya pada 3 Februari 2009 dan 2 Mac 2009 yang lalu. Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti di Lampiran A.

4. Syor dan ulasan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri adalah seperti di **Lampiran B**.
5. Syor Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan yang dicadangkan menjadi sebahagian daripada Aturan Peraturan Tetap 73 melalui subperaturan tetap baru iaitu Subperaturan 73(14) seperti di **Lampiran C**.
6. Dengan ini Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor dibentangkan kepada Dewan dan seterusnya dipertimbangkan syor sepertimana yang terdapat di dalam Laporan dan seterusnya untuk diterima pakai.



TENG CHANG KHIM

Pengerusi Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap
Dewan Undangan Negeri Selangor.

Lampiran A

**SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP BAGI
DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Teng Chang Khim
(Tuan Speaker) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha
(ADUN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 3. | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman
(ADUN Kawasan Meru) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay
(ADUN Kawasan Bukit Melawati) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADUN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6. | Y.B. Dato' Amiruddin bin Setro
(ADUN Kawasan Jeram) | Ahli |
| 7. | Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
(ADUN Kawasan Paya Jaras) | Ahli |

Lampiran B

**SYOR DAN ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN UNDANGAN NEGERI**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN OLEH JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
1.	<p>Peraturan Tetap 13(1)</p> <p>“ Urusan-urusan bagi tiap-tiap persidangan mesyuarat hendaklah mengikut aturan seperti di bawah ini kecuali jika Dewan menetapkan aturan lain:”</p> <p>13(2)</p> <p>(Seperti di dalam buku Peraturan-peraturan Tetap)</p>	<p>Cadangan Peraturan Tetap 13(1), Peraturan-peraturan Tetap ibu adalah dipinda dengan menggantikan Peraturan Tetap 13(1) baru seperti berikut.”</p> <p>a) dalam Peraturan Tetap 13(1) dengan menggantikan perkataan “Dewan” kepada perkataan “Tuan Speaker, setelah dimaklumkan oleh Menteri Besar mengenai perubahan aturan yang perlu dibuat”</p> <p>b) dengan memotong Peraturan Tetap 13(2)</p>	<p>Peraturan baru ini adalah bagi membolehkan Tuan Speaker menentukan Aturan Urusan Mesyuarat Dewan dengan syarat telah dimaklumkan kepada Y.A.B Dato’ Menteri Besar Selangor. Selepas pindaan ini usul Y.A.B Dato’ Menteri Besar Selangor tidak lagi diperlukan untuk meminda Aturan Urusan Mesyuarat.</p>

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN OLEH JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
2.	<p>Peraturan Tetap 24(5)</p> <p>"Pertanyaan-pertanyaan itu, selain daripada pertanyaan-pertanyaan tambahan yang terbit daripada pertanyaan yang telah dikeluarkan dan yang dibenarkan oleh Tuan Speaker, tidak boleh dikeluarkan lagi lepas daripada 60 minit daripada permulaan Waktu Pertanyaan-pertanyaan.</p> <p>(Seperti di dalam buku Peraturan-peraturan Tetap)</p>	<p>Cadangan Peraturan Tetap 24(5) dipinda dan berbunyi seperti berikut:-</p> <p>"Pertanyaan-pertanyaan itu, selain daripada pertanyaan-pertanyaan tambahan yang terbit daripada pertanyaan yang telah dikeluarkan dan yang dibenarkan oleh Tuan Speaker, tidak boleh dikeluarkan lagi lepas daripada 90 minit daripada permulaan Waktu Pertanyaan melainkan bahawa Tuan Speaker memerintahkan bahawa tempoh pertanyaan-pertanyaan dilanjutkan kepada tidak melebihi '30 minit lagi'"</p>	<p>Masa pertanyaan perlu dipinda memandangkan masa yang diberikan adalah terhad iaitu 60 minit sahaja.</p>

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN OLEH JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
3.	Peraturan Tetap 71 71(1) dan 71(2) (Seperti di dalam buku Peraturan-peraturan Tetap)	<p>Cadangan Peraturan Tetap ibu adalah dipinda dengan memasukkan perenggan (3), (4), dan (5) seperti berikut:</p> <p>“(3) Walau apa pun yang diperuntukkan di perenggan (1) dan (2) dan tertakluk kepada perenggan (5), Tuan Speaker boleh, jika difikirkan perlu oleh beliau, menujuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi apa-apa maksud tertentu semasa penangguhan Dewan dan melantik Pengerusi serta ahli bagi Jawatankuasa tersebut.</p> <p>(4) Tuan Speaker hendaklah dengan serta merta, apabila Dewan bersidang, melaporkan kepada Dewan mengenai penubuhan dan pelantikan tersebut bagi maksud mendapatkan perakuan dan kelulusan Dewan ke atas penubuhan dan pelantikan tersebut.</p> <p>(5) Sehingga perakuan dan kelulusan Dewan diperoleh, Jawatankuasa tersebut tidak mempunyai apa-apa kuasa dan tidak boleh menjalankan apa-apa fungsi seperti mana yang diperuntukkan di dalam Jadual kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan di bawah Peraturan Tetap 73.”</p>	<p>Peraturan baru ini bagi membolehkan Tuan Speaker jika difikirkan perlu oleh beliau untuk menujuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas pada bila-bila masa dan penubuhan itu akan dilaporkan kepada Dewan serta merta apabila bersidang dan Jawatankuasa tersebut tidak mempunyai kuasa menjalankan fungsinya selagi tidak memperoleh kelulusan Dewan</p>

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN OLEH JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
4.	Peraturan Tetap 73 73(1) hingga 73(13) (Seperti di dalam buku Peraturan-peraturan Tetap)	<p>Cadangan Peraturan baru iaitu Peraturan Tetap 73(14) seperti berikut ditambah kepada Peraturan 73</p> <p>“(14) Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan hendaklah menjadi sebahagian daripada aturan Peraturan Tetap 73 ini”</p>	<p>Peraturan baru ini bagi membolehkan Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan menjadi sebahagian daripada peraturan Tetap 73, Aturan Dalam Jawatankuasa Pilihan. Jadual ini dibuat supaya dapat dipakai oleh semua Jawatankuasa Pilihan yang telah dan akan ditubuhkan oleh Dewan. Jadual ini digubal supaya terdapat aturan yang lebih lengkap bagi melicinkan semua perjalanan Jawatankuasa Pilihan Dewan.</p>

Lampiran C

Jadual

(Subperaturan 73(14))

Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan

Pemakaian

1. (1) Jadual ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Jadual di bawah Perkara LXXVII Kuasa dan Keistimewaan Dewan Negeri, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, dan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.

(2) Jadual ini adalah terpakai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan dan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negeri yang ditubuhkan di bawah dan menurut Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri.

(3) Sekiranya terdapat percanggahan yang timbul, maka peruntukan berkenaan dalam Jadual ini hendaklah diketepikan.

Tafsiran

2. Dalam Jadual ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Ahli Jawatankuasa” bererti mana-mana Ahli Dewan Negeri yang dilantik ke dalam Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah atau menurut Peraturan-peraturan Tetap;

“Jawatankuasa” bererti mana-mana Jawatankuasa Pilihan atau Jawatankuasa Pilihan Khas atau Jawatankuasa Penggalan Dewan yang ditubuhkan di bawah atau menurut Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor;

“Pengerusi Jawatankuasa” bererti Pengerusi yang dilantik untuk mengetuai Jawatankuasa di bawah atau menurut Peraturan-peraturan Tetap;

“Mesyuarat” bererti termasuk siasatan atau pendengaran yang diadakan oleh Jawatankuasa.

Mesyuarat

3. (1) Pengerusi Jawatankuasa hendaklah memanggil mesyuarat Jawatankuasa dari semasa ke semasa untuk memantau dan memutuskan perkara-perkara mengenai siasatan dan pendengaran Jawatankuasa.

(2) Pengerusi hendaklah memberi arahan kepada Setiausaha Jawatankuasa untuk melaksanakan keputusan-keputusan mesyuarat Jawatankuasa atau tugas-tugas mengenai atau yang berhubung kait dengan perlaksanaan keputusan mesyuarat Jawatankuasa.

Siasatan

4. (1) Tertakluk kepada kuasa-kuasa yang diberikan oleh Dewan atau Peraturan Tetap, Jawatankuasa berkuasa untuk memulakan siasatan ke atas apa-apa perkara yang ditetapkan oleh Dewan, Jawatankuasa atau yang dirujuk oleh Menteri Besar atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor tertakluk kepada Peraturan Tetap atau ketetapan Dewan.

(2) Jawatankuasa berkuasa memerintahkan mana-mana orang untuk memberi keterangan bertulis ke atas perkara-perkara yang dikemukakan oleh Jawatankuasa terhadap orang-orang tersebut.

(3) Tertakluk kepada kuasa yang diberikan oleh Dewan atau Peraturan Tetap, keterangan bertulis yang dibentangkan oleh orang tersebut di perenggan (2) bolehlah diterbitkan untuk tatapan umum.

(4) Soalan-soalan yang dikemukakan kepada mana-mana orang bolehlah digubal oleh Jawatankuasa atau, semasa mesyuarat Jawatankuasa tidak diadakan, oleh Pengerusi atau mana-mana Ahli Jawatankuasa dengan izin Pengerusi.

Pendengaran

5. (1) Melainkan diputuskan sebaliknya, Jawatankuasa berkuasa untuk memanggil pendengaran terbuka, samada untuk keseluruhan atau sebahagian daripada perjalannya, untuk mengumpul keterangan mengenai perkara yang disiasat oleh Jawatankuasa menurut perenggan 4.

(2) Pihak media dan orang awam adalah dibenarkan menghadiri pendengaran terbuka tertakluk kepada kuasa Jawatankuasa untuk mengehadkan bilangan orang pihak media dan orang awam yang hadir berdasarkan bilangan tempat duduk dalam bilik pendengaran.

(3) Atas permohonan mana-mana orang yang dipanggil oleh Jawatankuasa, Jawatankuasa berkuasa untuk memerintahkan mana-mana bahagian pendengaran diadakan secara tertutup.

(4) Melainkan diputuskan sebaliknya oleh Jawatankuasa, pendengaran Jawatankuasa atau sebahagian daripadanya boleh disiarkan secara langsung melalui media elektronik.

Saksi

6. (1) Mana-mana saksi yang disaman untuk menghadiri pendengaran yang dipanggil oleh Jawatankuasa hendaklah memberi keterangan di bawah sumpah/ikrar yang berbunyi:-

"Bahwasanya saya,(Nama)..., dengan sesungguhnya bersumpah/berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar, melainkan benar belaka."

(2) Maná-masa saksi yang telah memberi keterangan bertulis hendaklah apabila disaman oleh Jawatankuasa untuk mengikrarkan keterangan bertulis yang telah dibentangkan terlebih dahulu.

(3) Mana-masa saksi yang memberi keterangan samada secara bertulis atau lisan bolehlah disoalbalas oleh mana-mana Ahli Jawatankuasa atau orang yang dilantik atau dibenarkan oleh Jawatankuasa untuk menyoal dan saksi tersebut hendaklah memberi jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan terhadapnya.

(4) Mana-mana saksi yang telah memberi keterangan samada secara bertulis atau lisan bolehlah disaman semula untuk memberi keterangan lanjut.

(5) Tertakluk kepada perenggan (6), mana-mana saksi dibenarkan untuk melantik peguambela dan peguamcara sebagai pemerhati dalam semua peringkat pendengaran Jawatankuasa.

(6) Pihak-pihak bukan saksi yang mana kelakuannya adalah menjadi hal perkara, atau satu daripada hal perkara penyiasatan oleh Jawatankuasa Pilihan itu, atau hak-hak dan kepentingannya adalah terjejas secara langsung oleh perkara yang telah dirujukkan kepada Jawatankuasa Pilihan itu bagi pertimbangan, boleh hadir sendiri atau hadir bersama peguam yang cuma bertindak sebagai pemerhati sahaja dengan izin Jawatankuasa.

(7) Mana-masa saksi yang memberi keterangan secara bertulis atau lisan hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan, jawatan, alamat kediaman dan apa-apa maklumat tambahan yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa sebelum memberi keterangan.

Pihak yang Membantu Siasatan

7. Jawatankuasa berkuasa untuk melantik mana-mana orang yang berkelayakan, Penasihat Undang-undang Negeri atau wakilnya atau Peguambela dan Peguamcara yang bertauliah untuk membantu dalam pengumpulan dan pembentangan keterangan kepada Jawatankuasa dalam siasatan atau pendengaran.

Permohonan

8. Segala permohonan untuk mengenepikan pemakaian Jadual ini hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa dan keputusan Pengerusi adalah muktamad.

Tafsiran Tuan Speaker

9. Segala tafsiran ke atas mana-mana peruntukan dalam Kaedah ini hendaklah dirujuk kepada dan diputuskan oleh Tuan Speaker dan segala keputusannya adalah muktamad.

